

KUPASAN PSIKOLOGI: JIWA RANUM

Jiwa manusia tak ubah seperti kejadian-kejadian tabii yang lain, dia tidak diwujudkan dengan keadaan yang sempurna lengkap, bahkan kesempurnaan adalah hasil dari pendidikan, pengalaman-pengalaman di dalam hidup dan peralihan umur menuju ke angka yang lebih tinggi. Tetapi di sana banyak kita dapati jiwa yang masih tinggal putik, mentah meskipun dia dilalui oleh proses peralihan umur dan dibela di dalam pendidikan, oleh itu bukan tiap-tiap yang tua dan berpelajaran itu mempunyai jiwa ranum kerana jiwa ranum itu hanya tumbuh di dalam tubuh manusia yang mempunyai personaliti (sahsiah atau peribadi P.Q.) yang tinggi, kuat dan tenteram.

(oleh Al-Adib Yusof Ya'kub)

(Dari Badan Persuratan P.P.S. Mesir)

-----*-----*-----

Jiwa ranum adalah asas kesempurnaan seseorang manusia di dalam hidup kerana manusia yang mempunyai jiwa ranum sahaja dapat membawa bahtera hidupnya dengan penuh kejayaan dan dapat menjadi hiasan dan panduan di dalam masyarakat.

Di sana ada beberapa perubahan di dalam tingkatan hidup manusia yang mana perubahan-perubahan itu dapat dijadikan ukuran untuk mengenal seseorang itu telah mempunyai jiwa yang besar, jiwa yang masak ranum.

(1) Perubahan dari semangat keakuan kepada semangat masyarakat.

Ketika manusia masih dalam dunia anak-anak kecil dia hanya memikirkan maslahat dan kesenangan diri sendiri sahaja biarpun dalam mencapai kesenangan itu dia terpaksa menempuh kesenangan dan melanggar maslahat orang lain. Kemahuan dan kesenangan sahaja yang pasti diletak di awal perhitungan, kesenangan orang lain tidak ada di dalam hisabnya.

Semangat keakuan ini akan berubah dengan perlahan-lahan di dalam jiwa anak itu kepada semangat masyarakat apabila dia telah perlahan-lahan besar dan perlahan-lahan menerima pendidikan dan merasai garam hidup. Ketika itu dia tidak lagi menumpu perhitungan semata-mata kepada kesenangan diri sendiri tetapi dia mulai menghormati hak-hak orang lain, berfikir

untuk kesenangan orang lain biarpun melanggar kesenangan Sendiri. itu tanda jiwanya sudah menuju masak ranum.

Apabila kita dapati di dalam masyarakat semangat keakuan itu masih menjadi bawaan hidup kepada orang-orang yang sudah berpendidikan maka itu adalah satu tanda untuk kita mengaku bahawa orang itu belum mempunyai jiwa ranum bahkan masih mempunyai jiwa anak-anak yang mentah.

(2) Perubahan dari terbuai-buai di dalam alam khayal kepada menghadapi keadaan nyata.

Di dalam pecah soal-soal hidup, kita dapati orang-orang yang berotak mentah selalu mengambil tindakan-tindakan yang jauh dari apa yang dikehendaki oleh keadaan nyata. Dia bertindak khas mengikut aliran khayalan yang palsu yang tidak ada perhubungan dengan keadaan nyata yang dihadapi olehnya. Dia menuntut perkara-perkara yang luar dari kekuasaan dan kebolehannya. Dia mengambil berat perkara-perkara yang kecil dan melupakan perkara-perkara yang jadi anasir kepada soal-soal yang dihadapinya. Selalu beralih-dalih di dalam pekerjaannya, selalu manja dan lemah dalam menghadapi kesulitan, selalu menyalahkan orang lain di dalam kekecewaan yang dialaminya. Golongan-golongan ini adalah pengikut Mat Jenin yang akan berakhir dengan kebinasaan dan kekecewaan di dalam perjuangan hidup mereka. Tetapi apabila seorang itu telah mempunyai jiwa

ranum maka dia akan memecahkan soal hidup itu dengan bijaksana, dengan perasaan dan akal yang waras, berpanduan dengan keadaan-keadaan nyata tidak lagi dengan khayalan-khayalan yang palsu, dia akan menghadapi dengan berani dan tenang apabila dia bersua dengan kesulitan atau jalan buntu.

(3) Perubahan dari pelaksanaan peribudi yang berdasarkan mencari balasan baik dan mengelak balasan jahat kepada keyakinan sendiri.

Tingkah laku atau peribudi yang dibawa oleh orang yang masih mentah jiwanya selalu berdasarkan mencari balasan bukan berdasar di atas anggapan jiwanya sendiri. Dia menolong rakannya yang malang bukan kerana merasa pertolongan itu sudah menjadi kewajipannya tetapi kerana mengharap pujian, balasan, syurga dan sebagainya. Dia menjauhi kejahatan bukan kerana kejahatan itu suatu dosa yang berbahaya kepada masyarakat, suatu pekerjaan yang tidak bersesuaian dengan peri kemanusiaan tetapi kerana takut celaan orang, takut dihentam orang. Dari golongan inilah selalu timbul tukang-tukang ampu dan orang-orang muka dua di dalam masyarakat. Tetapi dalam kalangan orang yang berjiwa ranum kita dapati tiap-tiap tingkah laku atau peribudinya yang menjadi bawaan hidupnya adalah berdasar di atas keyakinan hati dan pelajarannya bahawa apa yang dilakukan itu sebenarnya baik dan sebenarnya jahat. Dia akan melakukan sesuatu perkara yang dianggap benar biarpun dia menempuh azab sengsara dan menjadi buah cacian orang. Dari golongan inilah timbul pemimpin-pemimpin masyarakat yang jempol dan berani.

(4) Perubahan dari menurut rasa gemuruh (Nervousness) kepada menurut panduan akal fikiran.

Orang-orang yang belum mempunyai jiwa ranum selalu membawa bahtera hidupnya dengan dituntuni oleh perasaan gemuruh. Mereka membuat sesuatu rancangan bukan dari hasil kajian yang halus bahkan semata-mata dari perasaan yang timbul melintas di waktu itu sahaja. Mereka selalu perengus, merajuk, manja, tidak mahu susah, malu, penakut, menilai

dirinya lebih dari harga yang sebenar, gopoh, tidak sanggup menghadapi kesulitan dan kecaman orang lain.

Tetapi ketika jiwa mereka telah masak ranum, mereka akan jadi tenang, tetap, cermat dan tekun di dalam segala usahanya, mereka tidak bertindak dengan terburu-buru bahkan setelah ditimbang dengan neraca fikirannya yang saksama, mereka sabar tidak lekas naik darah, kabur mata dalam menghadapi sesuatu kesulitan atau kritik orang lain dan tidak selalu mengira-ngira dirinya.

(5) Perubahan dari menurut buta adat-adat lembaga kepada menurut dengan panduan akal fikiran.

Sekiranya manusia telah menempuh di dalam tingkatan keranuman jiwa maka suatu perubahan yang besar akan berlaku di dalam sikap mereka terhadap adat lembaga yang dipusakai dari datuk nenek mereka dari zaman berzaman. Mereka tidak lagi memandang adat lembaga itu suatu peraturan suci yang mesti diturut buta dengan tidak boleh diubah dan dilanggar bahkan mereka akan memilih adat yang bersesuaian dengan zaman, bersesuaian dengan panduan akal dan ilmu pengetahuan.

Di dalam masyarakat yang banyak orang berjiwa mentah selalu pepatah "Biar mati anak jangan mati adat", "Adat tidak boleh diubah" menjadi simbol perjuangan hidup mereka.

(6) Perubahan dari mencerooboh kepada saling mengerti dan beralah-alahan.

Jiwa ranum memimpin manusia membuat perhubungan yang damai dan saling mengerti dengan orang-orang lain. Ia memusuhi polisi degil, menegak benang basah masing-masing, polisi suka berkelahi dengan sebab-sebab kecil.

Orang yang berjiwa mentah selalu mencerooboh di dalam perhubungan dengan orang lain, tidak mengerti beralah-alahan dan bertolak ansur, selalu mengecil-ngecil fikiran orang lain dan degil di hadapan kebenaran. Golongan ini selalu menjadi pengacau keamanan dan perusuh di dalam masyarakat.

Dengan ulasan yang ringkas ini tuan-tuan pembaca boleh mengukur jiwa sendiri adakah masih mentah atau sudah ranum.